



جابتن کواغن دان فرينداهاراءن نكري ملاك

JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI MELAKA

Aras 2, 3 & 4, Blok Bentara
Kompleks Seri Negeri
Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh
75450 MELAKA

Tel (ONCC) : 06-333 3333
Faks : 06-231 6489
Laman Web : jkpnm.melaka.gov.my

No.Rujukan : PNM(KPS)125 JLD.3 (29)

Tarikh : 17 Disember 2023
17 Jamadilawal 1445H

Semua Ketua Jabatan/ Pusat Tanggungjawab di bawah
Kerajaan Negeri Melaka
(Seperti Senarai Edaran)

YB Datuk Wira/ YB Datuk/ SS Datuk Wira/ YAA Datuk/ YBhg. Dato'/ YBhg. Datin/
Tuan/ Puan,

TARIKH AKHIR BAYARAN TAHUN 2023 & PENUTUPAN AKAUN KERAJAAN NEGERI MELAKA TAHUN 2023

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa tarikh akhir bayaran dan penutupan akaun Kerajaan Negeri Melaka bagi Perbelanjaan Mengurus dan Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2023 adalah pada **15 Disember 2023** dan **tiada tempoh Akaun Kena Bayar (AKB) selepas tarikh tersebut**. Semua bayaran selepas tarikh/sasaran ini akan dicajkan kepada peruntukan Tahun 2024.

3. Bagi mengurangkan bayaran di bawah AP58(a) tahun 2024, YB Datuk Wira/ YB Datuk/ SS Datuk Wira/ YAA Datuk/ YBhg. Dato'/ YBhg. Datin/ Tuan/ Puan perlu memastikan langkah-langkah berikut diambil:

- 3.1 Baki peruntukan sedia ada hendaklah diberikan **keutamaan kepada bayaran emolumen tahun 2023**;
- 3.2 Bayaran rutin bulanan bagi **kontrak jangka panjang perlu dibayar sepenuhnya dan penyelarasan semula dibuat pada bulan berikutnya**;
- 3.3 Bayaran sewaan perlu dibayar menggunakan peruntukan sedia ada berdasarkan jumlah **purata empat (4) bulan terakhir dan penyelarasan dibuat pada bulan berikutnya**;
- 3.4 PTJ diberi **kelonggaran dari AP99(e) bagi perkara 3.2 dan 3.3 untuk pembayaran bulan Disember 2023 sahaja**. Kelonggaran ini adalah bagi kontrak yang masih aktif dan tidak tamat pada **31 Disember 2023 dan sebelumnya**;



- 3.5 Peruntukan semasa yang tidak dibelanjakan tidak boleh digunakan untuk tujuan lain; dan
- 3.6 **Meneruskan bayaran gaji/upah bagi bulan Disember 2023 bagi kakitangan lantikan kontrak atau pekerja sambilan harian yang dibuat melalui baucar bayaran dan sebarang pelarasan hendaklah dibuat pada bulan berikutnya dengan syarat kontrak perkhidmatan aktif dan tidak tamat pada 31 Disember 2023 dan sebelumnya.**
4. Sehubungan dengan itu, YB Datuk Wira/ YB Datuk/ SS Datuk Wira/ YAA Datuk/ YBhg. Dato'/ YBhg. Datin/ Tuan/ Puan perlu memastikan semua keperluan dan tanggungan pembayaran tahun 2023 tidak ditangguhkan dan dibuat dengan kadar segera. Segala kerjasama yang diberikan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"
"BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK SALHAH BINTI SALLEH)
Pegawai Kewangan Negeri
MELAKA.



s.k.: Timbalan Pegawai Kewangan Negeri
Melaka

Bendahari Negeri
Melaka